

# Utusan Malaysia 20 May 2011

## **720 rekaan di pameran Itex 2011**

KUALA LUMPUR 19 Mei - Pameran Rekaan, Inovasi dan Teknologi (Itex) yang akan berlangsung di Pusat Persidangan Kuala Lumpur (KLCC) selama tiga hari bermula esok bakal merakamkan rekod tersendiri apabila sebanyak 720 rekaan akan dipamerkan.

Dianjurkan oleh Pertubuhan Rekaan dan Reka Bentuk Malaysia (Minds), peserta dari 14 buah negara telah mengesahkan penyertaan iaitu dari Rusia, Poland, Kanada, Arab Saudi, Iran, Sri Lanka, Filipina, Korea Selatan, China, Hong Kong, Taiwan, Brunei, Vietnam dan Malaysia.

Untuk kali ini, rekaan mesra alam menjadi tumpuan dan sebanyak 65 peratus daripada rekaan termasuk dalam kategori ini.

Pameran ini disertai oleh universiti, institusi penyelidikan, sektor korporat serta pencipta muda.